

KES-KES

FARAB

 KHAS

HURAIAN DAN PENYELESAIAN

Zahari Mahad Musa
Jasni Sulong



KES-KES
FARAID KHAS
HURAIAN
& PENYELESAIAN

KES-KES FARAID KHAS HURAIAN & PENYELESAIAN

Zahari Mahad Musa
Jasni Sulong (Phd)

Penerbit USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2013

CETAKAN PERTAMA 2013

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit USIM
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel:06-798 8226/6081 | Faks:06-798 6083
www.penerbit.usim.edu.my
pej.penerbitan@usim.edu.my

**Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Dicetak di Malaysia oleh:

Penerbit UKM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM, Bangi, Selangor.
Tel:03-8921 5371 | 3072 Faks:03- 8925 4575
penerbit@ukm.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Noorhayati Hashim

Pengajaran Literasi : membaca dan menulis jawi : program pensiswazahan guru. EBK 3253 / Noorhayati binti Hashim.
ISBN 978-967-0393-86-5

1. Jawi alphabet--Study and teaching (Higher).
2. Jawi alphabet--Outlines, syllabi, etc. I. Judul.
499.2311

KANDUNGAN

Kandungan
Jadual Transliterasi
Senarai Jadual
Senarai Rajah
Pendahuluan
Pengenalan Kes-kes Faraid Khas
Al-Akdariyyah
Al-Akh Al-Mash‘ūm
Al-Akh Al-Mubārak
Al-°Āmiriyyah
°Aqrab taht Ṭubah
Al-°Ashariyyah
Al-Bakhīlah
Al-Daffānah
Al-Dawudiyyah
Al-Dināriyyah
Al-Dināriyyah al-Kubrā
Al-Gharībatān
Al-Gharīmatān
Al-Gharqā
Al-Gharrā’
Al-Gharrāwān
Al-Hadmā
Al-Ḥajariyyah
Al-Ḥamziyyah
Al-Ḥimāriyyah
Al-Imtiḥān
Al-°Ishrīniyyah
Al-Kharqā’
Khunthā
Li°ān
Al-Mafqūd
Al-Mālikiyyah
Al-Ma’ mūniyyah
Al-Marwāniyyah

Al-Minbariyyah
Al-Mu'addah
Al-Mubāhalah
Mukhammasah al-Sha'biyy
Al-Mukhtaṣarah
Al-Munāqasah
Al-Munāsakhah
Murabba'āt Ibn Mas'ūd
Al-Musabba'ah
Al-Musaddasah
Al-Mushtarakah
Muthallathah 'Uthmān
Al-Nāqīdah
Al-Niṣfiyyatān
Al-Qarīb al-Mash'ūm
Al-Qarīb al-Mubārak
Al-Rikābiyyah
Al-Shākiyyah
Shibh al-Mālikiyyah
Al-Shurayḥiyyah
Al-Thalāthīniyyah
Al-Tis'īniyyah
Al-'Umariyyatān
Umm al-arāmil
Umm al-banāt
Umm al-farūj
Umm al-furūkh
Al-'Uthmaniyyah
Al-Yammiyyah
Al-Yatīmatān
Al-Zaydiyyāt al-Arba'
Kesimpulan
Rujukan
Senarai Indeks
Glosari

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	‘	سأل	sa‘ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	ḥ	حديث	ḥadīth
خ	kh	خالد	khālid
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمان	raḥmān
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb
ش	sh	شمس	shams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr

ع	°	عبد	°abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qāḍiyy
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمارة	mizmār
ن	n	نوم	nawm
ه	h	هبط	habaṭa
و	w	وصل	waṣl
ي	y	يسار	yasār

Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
ا	a	فعل	fa'ala
ي	i	حسب	ḥasiba
و	u	كتب	kutiba

Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
ا، ي	ā	كاتب	kātib
ي	ī	كريم	karīm
و	ū	حروف	ḥurūf

Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
و	aw	قول	qawl
ي	ay	سيف	sayf
ي ي	iyy	رجعي	raj'iyy
و و	uww	عدو	°aduww

Perkecualian

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada a bukan kepada ʿ. Contoh: أكبر . Transliterasi: akbar bukan ʿakbar.
2. Huruf Arab ة، ة (ta' marbutah) pada perkataan ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada t. Contoh: وزارة التعليم . Transliterasi: wizarāt al-ta'lim. Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau perkataan terakhir, tā' marbutah ditransliterasikan kepada h.

Contoh	Transliterasi
المكتبة الأهلية	al-maktabah al-ahliyyah
قلعة	qal'ah
دار وهبة	dār wahbah

SENARAI JADUAL

- Jadual 1: Penyelesaian Kes *al-Akdariyyah* (i)
Jadual 2: Penyelesaian Kes *al-Akdariyyah* (ii)
Jadual 3: Penyelesaian Kes *al-Akdariyyah* (iii)
Jadual 4: Penyelesaian Kes *al-Akh al-Mash'um* (i)
Jadual 5: Penyelesaian Kes *al-Akh al-Mash'um* (ii)
Jadual 6: Penyelesaian Kes *al-Akh al-Mubarak*
Jadual 7: Penyelesaian Kes *al-cAmiriyyah*
Jadual 8: Penyelesaian Kes *°Aqrab taht Tubah* (i)
Jadual 9: Penyelesaian Kes *°Aqrab taht Tubah* (ii)
Jadual 10: Penyelesaian Kes *°Aqrab taht Tubah* (iii)
Jadual 11: Penyelesaian Kes *al-°Ashariyyah*
Jadual 12: Penyelesaian Kes *al-Bakhilah*
Jadual 13: Penyelesaian Kes *al-Daffānah*
Jadual 14: Penyelesaian Kes *al-Dawudiyyah*
Jadual 15: Penyelesaian Kes *al-Dināriyyah*
Jadual 16: Penyelesaian Kes *al-Dināriyyah al-Kubrā*
Jadual 17: Penyelesaian Kes *al-Gharibatān* (i)
Jadual 18: Penyelesaian Kes *al-Gharibatān* (ii)
Jadual 19: Penyelesaian Kes *al-Gharibatān* (iii)
Jadual 20: Penyelesaian Kes *al-Gharibatān* (iv)
Jadual 21: Penyelesaian Kes *al-Gharimatān* (i)
Jadual 22: Penyelesaian Kes *al-Gharimatān* (ii)
Jadual 23: Penyelesaian Kes *al-Gharimatān* (iii)
Jadual 24: Penyelesaian Kes *al-Gharimatān* (iv)
Jadual 25: Penyelesaian Kes *al-Gharqā* (i)
Jadual 26: Penyelesaian Kes *al-Gharqā* (ii)
Jadual 27: Penyelesaian Kes *al-Gharrā'*
Jadual 28: Penyelesaian Kes *al-Gharrāwān* (i)
Jadual 29: Penyelesaian Kes *al-Gharrāwān* (ii)
Jadual 30: Penyelesaian Kes *al-Gharrāwān* (iii)
Jadual 31: Penyelesaian Kes *al-Gharrāwān* (iv)
Jadual 32: Penyelesaian Kes *al-Hadmā* (i)
Jadual 33: Penyelesaian Kes *al-Hadmā* (ii)

- Jadual 34: Penyelesaian Kes *al-Ḥajariyyah* (i)
Jadual 35: Penyelesaian Kes *al-Ḥajariyyah* (ii)
Jadual 36: Penyelesaian Kes *al-Ḥamziyyah* (i)
Jadual 37: Penyelesaian Kes *al-Ḥamziyyah* (ii)
Jadual 38: Penyelesaian Kes *al-Ḥamziyyah* (iii)
Jadual 39: Penyelesaian Kes *al-Ḥimariyyah* (i)
Jadual 40: Penyelesaian Kes *al-Ḥimāriyyah* (ii)
Jadual 41: Penyelesaian Kes *al-Imtiḥān*
Jadual 42: Penyelesaian Kes *al-ʿIshrīniyyah*
Jadual 43: Penyelesaian Kes *al-Kharqā'* (i)
Jadual 44: Penyelesaian Kes *al-Kharqā'* (ii)
Jadual 45: Penyelesaian Kes *al-Kharqā'* (iii)
Jadual 46: Penyelesaian Kes *al-Kharqā'* (iv)
Jadual 47: Penyelesaian Kes *al-Kharqā'* (v)
Jadual 48: Penyelesaian Kes *al-Kharqā'* (vi)
Jadual 49: Penyelesaian Kes *Khuntha* (i)
Jadual 50: Penyelesaian Kes *Khuntha* (ii)
Jadual 51: Penyelesaian Kes *Khuntha* (iii)
Jadual 52: Penyelesaian Kes *Khuntha* (iv)
Jadual 53: Penyelesaian Kes *Khuntha* (v)
Jadual 54: Penyelesaian Kes *Khuntha* (vi)
Jadual 55: Penyelesaian Kes *Līʿān* (i)
Jadual 56: Penyelesaian Kes *Līʿān* (ii)
Jadual 57: Penyelesaian Kes *al-Mafqūd* (i)
Jadual 58: Penyelesaian Kes *al-Mafqūd* (ii)
Jadual 59: Penyelesaian Kes *al-Mālikiyyah* (i)
Jadual 60: Penyelesaian Kes *al-Mālikiyyah* (ii)
Jadual 61: Penyelesaian Kes *al-Ma'mūniyyah* (i)
Jadual 62: Penyelesaian Kes *al-Ma'mūniyyah* (ii)
Jadual 63: Penyelesaian Kes *al-Ma'mūniyyah* (iii)
Jadual 64: Penyelesaian Kes *al-Marwāniyyah*
Jadual 65: Penyelesaian Kes *al-Minbariyyah*
Jadual 66: Penyelesaian Kes *al-Muʿāddah*
Jadual 67: Penyelesaian Kes *al-Mubāhalah* (i)

- Jadual 68: Penyelesaian Kes *al-Mubāhalah* (ii)
 Jadual 69: Penyelesaian Kes *Mukhammasah al-Sha'biyy* (i)
 Jadual 70: Penyelesaian Kes *Mukhammasah al-Sha'biyy* (ii)
 Jadual 71: Penyelesaian Kes *Mukhammasah al-Sha'biyy* (iii)
 Jadual 72: Penyelesaian Kes *Mukhammasah al-Sha'biyy* (iv)
 Jadual 73: Penyelesaian Kes *Mukhammasah al-Sha'biyy* (v)
 Jadual 74: Penyelesaian Kes *al-Mukhtaṣarah*
 Jadual 75: Penyelesaian Kes *al-Munāqaṣah*
 Jadual 76: Penyelesaian Kes *al-Munāsakhah*
 Jadual 77: Penyelesaian Kes *Murabba'āt Ibn Mas'ūd* (i)
 Jadual 78: Penyelesaian Kes *Murabba'āt Ibn Mas'ūd* (ii)
 Jadual 79: Penyelesaian Kes *Murabba'āt Ibn Mas'ūd* (iii)
 Jadual 80: Penyelesaian Kes *Murabba'āt Ibn Mas'ūd* (iv)
 Jadual 81: Penyelesaian Kes *al-Musabba'ah* (i)
 Jadual 82: Penyelesaian Kes *al-Musabba'ah* (ii)
 Jadual 83: Penyelesaian Kes *al-Musabba'ah* (iii)
 Jadual 84: Penyelesaian Kes *al-Musabba'ah* (iv)
 Jadual 85: Penyelesaian Kes *al-Musabba'ah* (v)
 Jadual 86: Penyelesaian Kes *al-Musabba'ah* (vi)
 Jadual 87: Penyelesaian Kes *al-Musabba'ah* (vii)
 Jadual 88: Penyelesaian Kes *al-Musaddasah*(i)
 Jadual 89: Penyelesaian Kes *al-Musaddasah* (ii)
 Jadual 90: Penyelesaian Kes *al-Musaddasah* (iii)
 Jadual 91: Penyelesaian Kes *al-Musaddasah* (iv)
 Jadual 92: Penyelesaian Kes *al-Musaddasah* (v)
 Jadual 93: Penyelesaian Kes *al-Musaddasah* (vi)
 Jadual 94: Penyelesaian Kes *al-Musharrakah* (i)
 Jadual 95: Penyelesaian Kes *al-Musharrakah* (ii)
 Jadual 96: Penyelesaian Kes *Muthallathah 'Uthmān*
 Jadual 97: Penyelesaian Kes *al-Nāqidah*
 Jadual 98: Penyelesaian Kes *al-Niṣfiyyatān*
 Jadual 99: Penyelesaian Kes *al-Qarīb al-Mash'ūm* (i)
 Jadual 100: Penyelesaian Kes *al-Qarīb al-Mash'ūm* (ii)
 Jadual 101: Penyelesaian Kes *al-Qarīb al-Mubārak*

- Jadual 102: Penyelesaian Kes *al-Rikābiyyah*
Jadual 103: Penyelesaian Kes *al-Shākiyyah*
Jadual 104: Penyelesaian Kes *Shibh al-Mālikiyyah* (i)
Jadual 105: Penyelesaian Kes *Shibh al-Mālikiyyah* (ii)
Jadual 106: Penyelesaian Kes *al-Shurayhiyyah*
Jadual 107: Penyelesaian Kes *al-Thalāthīniyyah* (i)
Jadual 108: Penyelesaian Kes *al-Thalāthīniyyah* (ii)
Jadual 109: Penyelesaian Kes *al-Tis^cīniyyah*
Jadual 110: Penyelesaian Kes *al-^cUmariyyatān* (i)
Jadual 111: Penyelesaian Kes *al-^cUmariyyatān* (ii)
Jadual 112: Penyelesaian Kes *al-^cUmariyyatān* (iii)
Jadual 113: Penyelesaian Kes *al-^cUmariyyatān* (iv)
Jadual 114: Penyelesaian Kes *Umm al-Arāmīl*
Jadual 115: Penyelesaian Kes *Umm al-Banāt*
Jadual 116: Penyelesaian Kes *Umm al-Farūj*
Jadual 117: Penyelesaian Kes *Umm al-Furūkh*
Jadual 118: Penyelesaian Kes *al-^cUthmāniyyah*
Jadual 119: Penyelesaian Kes *al-Yammiyyah* (i)
Jadual 120: Penyelesaian Kes *al-Yammiyyah* (ii)
Jadual 121: Penyelesaian Kes *al-Yatīmatān*
Jadual 122: Penyelesaian Kes *al-Zaydiyyāt al-arba^c* (i)
Jadual 123: Penyelesaian Kes *al-Zaydiyyāt al-arba^c* (ii)
Jadual 124: Penyelesaian Kes *al-Zaydiyyāt al-arba^c* (iii)
Jadual 125: Penyelesaian Kes *al-Zaydiyyāt al-arba^c* (iv)

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Carta Aliran Pengagihan Faraid



Pengenalan

.....

Ilmu faraid merupakan satu cabang ilmu fiqh yang mempunyai kepentingan tersendiri dan sangat berkait rapat dengan dua situasi iaitu kehidupan dan kematian yang menjadi satu sistem semulajadi manusia dalam mana-mana masyarakat. Secara fitrahnya, manusia akan berusaha mencari harta dan mengagihkan harta tersebut kepada individu-individu yang dicintainya. Oleh itu, tidak hairanlah Islam memperakui bahawa pewarisan merupakan salah satu bentuk sumber pemilikan harta. Kedatangan Islam sebagai agama yang terakhir telah meletakkan satu peraturan yang sistematik dalam pewarisan pusaka iaitu dengan gelaran ilmu faraid. Perubahan dalam pewarisan telah dilakukan demi menegakkan keadilan dan tidak menimbulkan kekeliruan yang menyebabkan harta si mati diagihkan kepada mereka yang tidak berhak tanpa sebarang hak.

Keperluan untuk memahami ilmu faraid merupakan suatu yang tidak dapat disangkal lagi. Hal ini kerana peraturan yang ditetapkan dalam faraid melibatkan pengurusan kehidupan sebelum dan selepas kematian. Oleh itu, penguasaan kepada ilmu ini perlu dilakukan secara berterusan agar tidak mudah untuk dilupakan. Rasulullah SAW mengingatkan perihal ini:

تَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ وَعَلِّمُوهَا فَإِنَّهُ نِصْفُ الْعِلْمِ وَهُوَ يَنْسَى وَهُوَ
أَوَّلُ شَيْءٍ يُنَزَعُ مِنْ أُمَّتِي

Maksudnya:

“Pelajarilah ilmu faraid dan ajarkanlah kepada manusia. Sesungguhnya ia merupakan sebahagian ilmu dan ianya akan dilupakan serta ilmu yang pertama yang akan diangkat daripada umatku”.

(Ibn Mājah. *Al-Sunan*. Kitab *al-Farā'id* (23).

Bab: *al-ḥath ʿala taʿlīm al-farā'id*(1). #2719).

Atas kesedaran penguasaan ilmu faraid secara berterusan, buku ini ditulis bagi tujuan bacaan lanjutan dan tambahan kepada koleksi karya-karya faraid yang sudah sedia ada dalam catatan ilmuan-ilmuan Islam. Buku dengan tajuk “Kes-kes Faraid Khas: Huraian

dan Penyelesaian” ini memfokuskan huraian dan penyelesaian kepada kes-kes faraid khas yang pernah tercatat sepanjang sejarah awal perundangan Islam dalam bentuk direktori istilah mengikut setiap kes. Berbeza dengan penulisan lain dalam faraid, buku ini tidak menghuraikan maklumat awal tentang ilmu faraid dan asas pengiraan dengan terperinci. Akan tetapi, penulis terus menumpukan kepada setiap kes khas dengan harapan setiap pembaca telah memiliki maklumat awal tentang bahagian-bahagian setiap waris dalam ilmu faraid terutama waris kategori *aṣḥāb al-furūd* dan *‘aṣabah*.

Pendekatan yang diambil dalam buku ini ialah penyusunan setiap kes faraid mengikut abjad seperti penulisan kamus bagi memudahkan capaian dan pencarian. Dalam erti kata lain, pendekatan direktori bagi menunjukkan setiap istilah kes faraid khas. Hampir semua istilah kes diambil terus daripada bahasa Arab. Awalan *alif* dan *lam* (ﻻ) bagi setiap istilah tidak diambil kira semasa penyusunan. Justeru itu, penyusunan dibuat bermula dengan huruf pertama bagi setiap istilah selepas huruf (ﻻ). Sebagai contoh, istilah *al-mushtarakah* akan berada pada susunan huruf (m) dan bukannya huruf (a). Begitulah seterusnya pada perkataan yang lain.

Penerangan bagi setiap kes faraid khas akan tertumpu kepada maksud gelaran sesuatu kes, situasi kes iaitu waris-waris si mati yang ditinggalkan serta penyelesaian yang dibuat oleh ilmuan Islam. Setiap kes akan disertakan dengan jadual bagi memudahkan gambaran pengiraan. Berdasarkan kes-kes faraid khas yang dikumpulkan, terdapat beberapa kes yang terdiri daripada beberapa gelaran atau nama. Penyusunan setiap gelaran bagi satu situasi tetap akan dibuat. Namun, perincian huraian hanya berada dalam salah satu kes sahaja. Sebagai contoh, kes *al-gharībatān*, *al-gharīmatān*, *al-gharrāwan* dan *al-‘umariyyatān* merupakan gelaran-gelaran bagi situasi kes faraid yang sama iaitu apabila si mati meninggalkan waris-waris terdiri daripada ibu, bapa dan suami atau isteri sahaja. Dalam hal ini, penerangan secara terperinci akan dibuat pada salah satu kes iaitu kes *al-‘umariyyatan*. Manakala, bagi gelaran-gelaran lain hanya disertakan jadual dan penerangan yang lebih ringkas.

Buku ini ditulis dengan iltizam yang tinggi untuk merekodkan semula kes-kes faraid khas dalam bentuk capaian, huraian dan penyelesaian yang mudah dan tersusun bagi bacaan umum. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat fakta atau maklumat tambahan yang

berkaitan kes-kes faraid khas, maka penulis amat mengalu-alukan sebarang komen atau pembedulan daripada pembaca untuk usaha penambahbaikan yang lebih mantap pada masa akan datang.

Pendahuluan

Perkataan faraid berasal daripada bahasa Arab dan merupakan kata *jama'* daripada perkataan *farīdah* yang diambil daripada kata *farḍ*. Dari sudut bahasa, faraid mempunyai beberapa pengertian. Hal ini termasuklah ketentuan, sesuatu yang dibenarkan, keterangan dan kewajipan (Al-Fayrūz Abādiyy. 1415H/1994M: 838). Definisi faraid menurut istilah fuqahā' ialah bahagian-bahagian pewarisan yang telah ditetapkan melalui nas untuk diagihkan kepada waris yang berhak (Al-Nasafiy. 1418H/1997M: 307). Manakala pengertian ilmu faraid boleh didefinisikan sebagai satu bentuk disiplin ilmu yang membincangkan hukum-hukum agihan harta pusaka mengikut lunas-lunas syarak.

Pensyariatan faraid bertujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia sama ada melibatkan individu, keluarga dan masyarakat, kerana mempunyai beberapa hikmah yang tersendiri bagi menunjukkan kepentingan dan kedudukannya sebagai satu cabang ilmu yang mulia. Hakikatnya, hikmah yang sebenar hanya diketahui oleh Allah SWT yang telah menentukan dan menetapkan hukum tersebut. Firman Allah SWT:

آيَاتُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةً مِّنَ
اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya:

Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui sesiapa di antara mereka yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu. (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan daripada Allah. Sesungguhnya Allah adalah maha mengetahui lagi amat bijaksana.

(Al-Qur'ān, al-Nisā' 4: 11)

Sistem faraid yang disyariatkan dalam Islam dapat menghapuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan penerima terhadap bahagian masing-masing yang mungkin membawa kepada pergaduhan dan perbalahan antara satu sama lain. Sebagai contoh, apabila seseorang meninggal dunia dan meninggalkan harta tanpa diurus dengan satu peraturan yang baik, nescaya akan membawa kepada pengabaianya atau dieksploitasi oleh segolongan tertentu sahaja. Realiti persengketaan yang mungkin berlaku dalam kebanyakan masyarakat ini boleh dikurangkan atau dihapuskan sama sekali dengan satu sistem yang baik, efisien dan adil. Hal ini bersesuaian dengan hadis Rasulullah SAW:

فَإِنِّي أَمْرٌ مَّقْبُوضٌ وَأَنَّ الْعِلْمَ تَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ وَعَلَّمُوهُ النَّاسَ
 سَيُقْبَضُ حَتَّى يَخْتَلِفَ الْأَثْنَانِ فِي الْفَرِيضَةِ لَا يَجِدَانِ أَحَدًا
 يَفْصِلُ بَيْنَهُمَا

Maksudnya:

Belajarlah ilmu faraid dan ajarkanlah kepada manusia kerana sesungguhnya aku ini manusia biasa yang pasti mati. Ilmu faraid juga akan diangkat (hilang) sehingga menjadikan dua orang akan berselisih dalam membahagikan harta pusaka, dan kedua-dua mereka itu tidak akan mendapat seorangpun untuk menyelesaikannya antara mereka berdua.

(Al-Hākim, Muḥammad ibn °Abdillah.

Al-Mustadrak °Ala al-Ṣaḥīḥayn.

Kitab al-Farā'id. Bab: Ta°allamū al-farā'id.#8021)

Undang-undang pusaka Islam (faraid) sama seperti peraturan hukum perundangan Islam lain yang menjadikan wahyu sebagai sandaran utama. Nas syarak yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah menjadi rujukan primer bagi hukum faraid. Manakala ijmak sahabat dan ijtihad mereka digunakan dalam penyelesaian pelbagai masalah faraid yang berlaku.

Allah SWT telah menjelaskan hampir keseluruhan hukum pengagihan faraid secara terperinci dalam al-Quran. Hal ini menunjukkan kepentingan dan kemuliaan ilmu tersebut. Di samping itu, Rasulullah SAW sendiri menyarankan agar umat Islam mendalami ilmu ini dan menyebut agihan faraid dalam hadis-hadis baginda SAW. Terdapat 11 ayat yang berkait rapat dengan hukum faraid. Ayat-ayat tersebut ialah

Surah al-Baqarah dalam ayat 180, Surah al-Nisā' dalam ayat 7,8, 11, 12, 19, 33 dan 176, Surah al-Anfāl dalam ayat 72 dan 75, dan Surah al-Aḥzāb dalam ayat 6. Walau bagaimanapun, perincian faraid hanya tertumpu kepada ayat 11, 12 dan 176 surah al-Nisā'. Ketiga-tiga ayat ini menjadi sandaran utama hukum faraid yang dikenali dengan ayat-ayat *al-mir'āth*.

Firman Allah SWT:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَّاتِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثًا مِمَّا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَتْهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ آبَاؤُكُمْ وَإِخْوَاتُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya:

“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi, jika anak-anak perempuan lebih dari dua maka bahagian mereka ialah dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan, oleh si mati dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah seperdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa si mati, tiap-tiap seorang daripada keduanya seperenam daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi kalau si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Kalau si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui sesiapa antara mereka yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu. (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing

seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan daripada Allah. Sesungguhnya Allah adalah maha mengetahui lagi amat bijaksana.”

(Al-Qur’ān. al-Nisā’ 4: 11)

Firman Allah SWT lagi:

وَلَكُمْ نَصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِن لَّمْ يَكُنْ لَّهُنَّ وَلَدٌ فَإِن كَانَ لَّهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِيَنَّ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَتُمْ إِن لَّمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِن كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثُّمُنُ مِمَّا تَرَكَتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصُونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَإِن كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَالَةً أَوْ امْرَأَةٌ وَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ فَإِن كَانُوا أَكْثَرَ مِن ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثُّلُثِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَىٰ بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرِ مُضَارٍّ وَصِيَّةٍ مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ

Maksudnya:

“Dan bagimu seperdua daripada harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu, jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka ada mempunyai anak, maka kamu beroleh seperempat daripada harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat daripada harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi, jika kamu mempunyai anak, maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah seperlapan daripada harta yang kamu tinggalkan sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki ataupun perempuan yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau seorang saudara perempuan (seibu), maka bagi tiap-tiap seorang daripada keduanya ialah seperenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih daripada seorang, maka mereka bersekutu pada sepertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan (oleh si mati)

dan sesudah dibayarkan hutangnya, wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah amat mengetahui lagi amat penyabar.”

(Al-Qur’ān. al-Nisā’ 4: 12)

Firman-Nya lagi:

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ إِنْ امْرُؤٌ هَلَكَ لَيْسَ لَهُ
وَلَدٌ وَلَهُ أُخْتٌ فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ وَهُوَ يَرِثُهَا إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهَا
وَلَدٌ فَإِنْ كَانَتَا اثْنَتَيْنِ فَلَهُمَا الثُّلُثَانِ مِمَّا تَرَكَ وَإِنْ كَانُوا إِخْوَةً
رَجَالًا وَنِسَاءً فَلِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَنْ
تَضِلُّوا وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya:

“Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa daripadamu (wahai Muhammad) mengenai masalah *kalālah*. Katakanlah: Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara *kalālah* itu, iaitu jika seseorang mati tidak mempunyai anak dan dia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu seperdua daripada harta yang ditinggalkan (oleh si mati), dan dia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula (saudara perempuannya itu) dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan (oleh si mati). Dan jika sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan. Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu, supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah amat mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(Al-Qur’ān. al-Nisā’ 4: 176)

Dengan perincian ayat-ayat faraid, transformasi hukum faraid telah digariskan dalam Islam berbanding pewarisan yang sedia ada diamalkan oleh masyarakat Arab jahiliyyah. Satu sistem yang lebih baik, adil dan tersusun dapat diperkenalkan. Bentuk perubahan dalam

faraid yang mengalami perubahan daripada masyarakat jahiliyyah kepada kesyumuln Islam dapat ditinjau daripada empat aspek (Ibrāhīm ibn ʿAbdillāh. t.th: 12):

1. Pewarisan yang disepakati pada zaman jahiliyyah dan tidak wujud lagi dalam Islam iaitu agihan kepada golongan lelaki sahaja.
2. Pewarisan yang disepakati dalam Islam dan tidak berlaku pada zaman jahiliyyah iaitu agihan yang termaktub dalam ayat-ayat *āl-mīrāṭh*.
3. Pewarisan yang disepakati dalam Islam pada peringkat awal dan kemudian dinasakhkan seperti pewarisan melalui asas hijrah dan persaudaraan.
4. Pewarisan yang tidak disepakati berlaku dalam Islam iaitu agihan berasaskan ikatan janji setia (*ʿāqd āl-mūwālāt*).

Ijtihad para sahabat mempunyai kedudukan yang penting dalam memahami nas walaupun hukum faraid bersifat terperinci melalui nas syarak yang ada. Pada dasarnya, prinsip asas ijtihad para sahabat dalam menyelesaikan kes-kes faraid boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori, iaitu (ʿAlī Muḥammad Muʿawwad & ʿĀdil Aḥmad ʿAbd al-Mawjūd. 1420H/2000M: 520):


- i. Ijtihad dalam menerangkan maksud sesuatu nas terutama yang melibatkan maksud yang tidak jelas (*khafiy al-dalālah*).
- ii. Ijtihad yang berperanan menyelesaikan pertentangan (*al-taʿāruḍ*) antara dua nas atau lebih.
- iii. Ijtihad yang berbentuk perkaitan antara masalah yang tidak terdapat nas dengan sesuatu masalah yang mempunyai nas disebabkan persamaan dari sudut *ʿillah*.
- iv. Ijtihad dalam mengaplikasi kaedah-kaedah umum ke atas masalah-masalah yang lebih terperinci dengan mengambil kira tujuan utama syariah (*maqāṣid al-sharīʿah*).

Ilmu faraid terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu: mengenal konsep asas faraid, menentukan waris-waris dalam pewarisan serta bahagian masing-masing dan memahami kaedah pengagihan sesuatu pusaka (lihat rajah 1). Sesuatu kes faraid akan dapat diselesaikan dengan mudah apabila setiap perkara dalam tiga komponen tersebut difahami dengan jelas.

Kesemua komponen faraid utama dibincangkan oleh sarjana Islam dalam karya masing-masing dengan terperinci. Ringkasnya, komponen yang perlu diketahui oleh setiap individu dalam menyelesaikan kes-kes faraid ialah:

- a. **Komponen I:**
Komponen penting dalam mengetahui kerangka sesuatu pusaka iaitu melibatkan konsep asas faraid yang terdiri daripada rukun faraid, sebab, syarat dan penghalang sesuatu faraid.
- b. **Komponen II:**
Komponen berkaitan individu-individu yang masih hidup dan berhak untuk menerima pusaka si mati yang terdiri daripada tiga golongan waris iaitu *aṣḥāb al-furūd*, *‘aṣabah* dan *dhawī al-arḥām*.
- c. **Komponen III:**
Komponen yang melibatkan kaedah pengagihan dalam faraid. Hal ini termasuklah *al-radd*, *al-‘awl*, *al-ḥajb* dan *al-taṣḥīḥ*.

Rajah 1: Carta Aliran Pengagihan Faraid



Kes-kes Faraid Khas

Sepanjang sejarah perundangan Islam, terdapat beberapa kes faraid khas yang dicatatkan sehingga menjadikan kes tersebut terkenal. Kesemua kes-kes tersebut mempunyai nama-nama (*āl-mūṣāmmāyāt*) atau gelaran (*āl-mūlāqqābāt*) yang tersendiri. Kebiasaannya, kes tersebut berkait rapat dengan nama tokoh yang menyelesaikan masalah pengagihan harta pusaka (Sabṭ al-Mārdiniyy. 1425H/ 2004M: 743).

Selain itu, kes-kes yang biasanya dibincangkan melibatkan beberapa masalah pengecualian dalam pengiraannya berbanding kaedah pengagihan yang sepatutnya. Sebahagian kes hanya mempunyai satu nama sahaja seperti *āl-mīnbarīyyāh*. Manakala sebahagian kes lain mempunyai beberapa gelaran atau nama seperti *āl-ghārrā'* dan *āl-mārwanīyyāh* untuk menunjukkan situasi atau justifikasi yang diambil ketika penyelesaian kes pembahagian harta pusaka tersebut (Al-Juwayniyy. 1428H/ 2007M: 358).

Dokumentasi kes-kes faraid khas seiring dengan penulisan faraid itu sendiri. Perkembangan ilmu faraid bermula dengan perkembangan fiqh secara umumnya. Namun, kepesatan ilmu faraid tersebut dalam penulisan yang tersendiri bermula pada kurun kedua hijrah iaitu ketika pesatnya penulisan dalam hukum-hukum fiqh yang lain. Antara karya terawal yang hanya menyentuh semata-mata tajuk faraid ialah penulisan Ibn Shubrumah [144H],¹ Ibn Abī Laylā [83H]² dan Abū Thawr [240H]³ pada kurun kedua dan ketiga hijrah (Wazārat al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah. 1412H/1992M: 17-18).

Secara amnya, kes-kes faraid khas yang menjadi perbincangan ulama merujuk kepada dua kategori yang utama (al-Shaykh Muḥammad al-

¹ Beliau ialah ʿAbdullah ibn Shubrumah ibn al-Ṭufayl ibn Ḥassān (meninggal pada tahun 144H). Beliau merupakan seorang *fāqīh tābīʿīn* di Kufah. Seorang yang *thiqah* dalam bidang hadīth, penyair dan mempunyai akhlak yang terpuji. Lihat: al-Mizzī, *Tāhḍīb al-kamāl*, jil 15, hlm 76.

² Beliau ialah ʿAbd al-Rahman ibn Abī Laylā, Abu ʿĪsa (meninggal dunia pada tahun 83H). Beliau juga mempunyai nama-nama lain iaitu Yasār, Bilāl dan Daud. Beliau merupakan seorang *tābīʿīn* yang *thiqāh* di Kufah dan sempat bertemu dengan 120 orang sahabat Rasulullah SAW. Lihat: al-Mizzī, *Tāhḍīb al-kamāl*, jil 17, hlm 372.

³ Beliau ialah Ibrāhīm ibn Khālid ibn Abī al-Yamān al-Kalbī, Abū Thawr (meninggal dunia tahun 240H/854M). Seorang *faqīh* dalam mazhab al-Shāfiʿī yang terkenal dengan keilmuan dan kewarakan. Lihat: al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *al-Āʿlām*, jil 1, hlm 37.

Shammā^c. 1416H/1995M: 359-367):

- a) Kategori pertama: kes-kes yang melibatkan pengecualian daripada pengiraan asal yang sepatutnya. Kes-kes utama dalam kategori ini ialah kes *al-musharrakah*, *al-akdariyyah*, *al-mālikiyyah* dan *shibh al-mālikiyyah*.
- b) Kategori kedua: kes-kes khas yang mempunyai nama atau gelaran tertentu seperti *al-gharrāwān*, *al-minbariyyah*, *al-dīnariyyah*, *umm al-farūkh*, *umm al-arāmīl*, *al-kharqā'*, *al-yatīmatān al-mubāhalah*, *al-marwāniyyah*, *al-ma'mūniyyah*. Kes-kes kategori ini juga melibatkan setiap masalah yang melibatkan pengiraan khas bagi situasi tertentu seperti kes anak *li'ān*, kematian serentak, *khuntha* dan *al-mafqūd* (mereka yang menghilangkan diri tanpa berita).



AL-AKDARIYYAH

الأكدرية

Kes faraid ini melibatkan pengiraan semula antara bahagian datuk dan saudara perempuan. Kekeliruan dalam pengiraan semula yang terkeluar daripada kaedah pembahagian asal merupakan salah satu faktor dinamakan kes ini dengan *al-akdariyyah*. Perkataan *al-akdariyyah* dari sudut bahasa bermaksud keruh dan mengotorkan (Ibrāhīm Anīs et al. 1392H/1972M: 779). Terdapat beberapa riwayat yang menyebut punca kes ini digelar dengan *al-akdariyyah*. Antaranya, gelaran tersebut merujuk kepada kes kematian seorang jenazah yang asal keturunan keluarganya disebut sebagai *akdar* iaitu salah satu nama kabilah Arab mengikut pendapat yang paling kuat (al-Baqariyy, °Umar. 1414H/1994M: 109).

Ibn Abī Shaybah [235H/ 815M]⁴ meriwayatkan daripada Ibrāhīm [96H/ 815M]⁵ dengan berkata: Adapun °Abdullah menjadikan *al-akdariyyah* kepada lapan bahagian iaitu suami mendapat tiga, saudara perempuan mendapat tiga, satu bahagian untuk ibu dan satu bahagian untuk datuk. °Ali pula menjadikannya kepada sembilan bahagian iaitu tiga bahagian untuk suami, tiga bahagian untuk saudara perempuan, dua bahagian untuk ibu dan satu bahagian untuk datuk. Manakala Zayd menjadikannya kepada sembilan bahagian iaitu tiga untuk suami, tiga untuk saudara perempuan, dua untuk ibu dan satu untuk datuk. Kemudiannya, setiap bahagian didarab dengan tiga maka jumlahnya menjadi dua puluh tujuh. Suami mendapat sembilan, ibu mendapat enam dan bakinya iaitu dua belas diagihkan kepada datuk sebanyak lapan bahagian dan saudara perempuan sebanyak empat bahagian (Ibn Abī Shaybah. 1409H/1989M: 262).

⁴ Beliau ialah °Abdullah ibn Muḥammad ibn Abī Shaybah (159H-235H/776M-849M). Beliau merupakan salah seorang tokoh dalam ḥadīth dan antara karya beliau ialah *al-musnad*, *al-muṣannaf* dan *al-īmān*. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-A°lām*. jil 4. hlm 117.

⁵ Beliau ialah Ibrāhīm ibn Yazīd ibn Qays ibn al-Aswad al-Nakhā°iyy, Abū °Imrān (46H-96H/666M-815M). Beliau merupakan salah seorang *fāqīh āl-tābē°īn* di Iraq. Lihat: al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-A°lām*. jil 1. hlm 80.

RUJUKAN

- Abū °Abdillāh Sayyīd ibn Kasrawiyy ibn Ḥasan. 1418H/1997M. *Mawsū°ah Athār al-Şahābah*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah. jil 3.
- °Alaysh, Muḥammad ibn Aḥmad. 1409H/ 1989M. *Manḥ al-Jalīl Sharḥ Mukhtaşar Khalīl*. Beirut: Dār al-Fikr, jil 9.
- °Ali Muḥammad Mu°awwaḍ & °Ādil Aḥmad °Abd al-Mawjūd. 1420H/2000M. *Tārīkh al-Taşrī° al-Islāmiyy*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Anşāriyy, Zakariyya ibn Muḥammad. t.th. *Asna al-Maḥālib fi Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib*. t.tp: Dār al-Kitāb al-°Arabiyy. jil 3.
- Bahā° al-Dīn al-Maqdasiyy, °Abd al-Raḥman ibn Ibrāhīm. 1424H/ 2003M. *Al-°Uddah Sharḥ al-°Umdah*. Kaherah: Dar al-Hadīth.
- Al-Baqariyy, °Umar. 1414H/1994M. *Ḥāshiyat Sabṭ al-Mārdīniyī °Ala al-Raḥabiyyah*. Damshiq: Dār al-Qalam.
- Al-Bayhaqiyy, Abū Bakar Aḥmad ibn al-Ḥusayn. 1414H/1994M. *Al-Sunan al-Kubrā*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah. jil 6.
- Al-Buhūtiyy, Mañşūr ibn Yūnus. 1414H/1993M. *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*. t.tp: °Ālam al-Kutub. jil 2.
- Al-Buhūtiyy, Mañşūr ibn Yūnus. t.th. *Kashshāf al-qinā° °an Matn al-Iqnā°*. t.tp: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah. Jil 4
- Al-Dārimiyy, °Abdullah ibn °Abd al-Raḥman. 1417H/1996M. *Sunan al-Dārimiyy*. Damshiq: Dār al-Qalam. jil 2
- Al-Dusūqiyy, Muḥammad ibn Aḥmad. t.th. *Ḥāshiyat al-Dusūqiyy*. t.tp: Dar al-Fikr. jil 4.
- Al-Fayrūz Abādiyy, Muḥammad ibn Ya°qūb. 1415H/1994M. *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Mu°assasat al-Risālah.
- Al-Hākim, Muḥammad ibn °Abdillah. 1418H/1998M. *Al-Mustadrak °Ala al-Şahīḥayn*. Beirut: Dār al-Ma°rifāh. Jil 4.
- Ibn Abī Shaybah, °Abdullāh ibn Muḥammad. 1409H/1989M. *Al-Kitāb al-Muşannaf Fī al-Aḥādīth Wa al-Athār*. Beirut: Dār Ṭāj. jil 6.
- Ibn al-°Amad al-°Akriyy. 1406H/ 1986M. *Shadharāt al-Dhahab fi Akhbār man Dhahab*. Beirut: Dār Ibn Kathīr. jil 3
- Ibn °Ābidīn, Muḥammad Amīn ibn °Umar. 1412H/ 1992M. *Radd al-Muḥtār °ala al-Durr al-Mukhtār*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Ḥazm, °Ali ibn Aḥmad. t.th. *Al-Muḥallā bi al-Āthār*. Beirut: Dār al-Fikr. jil 8.

- Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn ibn Ibrāhīm. t.thn. *Al-Baḥr al-Rā'iq sharḥ Kanz al-Daqā'iq*. Dār al-Kitāb al-Islāmiyy. jil 8.
- Ibn Qudāmah al-Maqdisiyy. 1414H/ 1994M. *Al-Kāfiyy fi fiqh Imām Aḥmad*. t.tp: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah jil 2.
- Ibn Rushd, Muḥammad ibn Aḥmad. 1416H/1996M. *Bidāyat al-Mujtahid Wa Nihāyat al-Muqtaṣid*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah. jil 5.
- Ibrāhīm Anīs et al. 1392H/1972M. *al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Kaherah: Dar al-Da'wah.
- Ibrāhīm ibn °Abdillah. t.th. *Al-°Adhb al-Fā'id Sharḥ °Umdat al-Fāriḍ*. t.tp.: t.pt. jil 1.
- Jumū'ah Muḥammad Muḥammad Barrāj. t.th. *Aḥkām al-Mirāth Fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Ammān: Dār al-Fikr.
- Al-Jurjāniyy, °Ali ibn Muḥammad. 1418H/1998M. *Kitāb al-Ta'rīfāt*. Beirut: Dār al-Kitāb al-°Arabiyy. jil 2.
- Al-Juwayniyy, °Abdullah ibn °Abd al-Mālik. 1428H/ 2007M. *Nihāyat al-Maṭlab fī Dirāyah al-Madhhab*. t.tp: Dar al-Minhaj. jil 9.
- Mannā° al-Qaṭṭān. 1422H/ 2001M. *Tarikh al-Tashri° al-Islamiyy*. Maktabah wahbah.
- Muḥammad Abū Zahrah, Muḥammad ibn Aḥmad. 1963. *Aḥkām al-Tarikāt wa al-Mawārīth*. Kaherah: Dār al-Fikr al-°Arabiyy.
- Al-Mušiliyy, °Abdullah ibn Maḥmūd. 1356H/ 1937M. *Al-Ikhtiyār li Ta°līl al-Mukhtār*. Kaherah: Maṭba°ah al-Ḥalabiyy. jil 5.
- Al-Nasafiyy, °Umar ibn Muḥammad. 1418H/1997M. *Ṭulbat al-Ṭalabah Fī Iṣṭilāhāt al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Nawawiyy, Yahya ibn Sharf. t.th. *Rawḍat al-Ṭālibīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah. jil 5.
- Al-Qarāfiyy, Aḥmad ibn Idris. 1994. *Al-Dhakhīrah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islāmiyy. jil 13
- Sabṭ al-Mārdiniyy, Muḥammad ibn Muḥammad. 1425H/ 2004M. *Sharḥ al-Fuṣūl al-Muhimmah fi Mawārith al-Ummah*. t.tp: Dar al-°Āṣimah. jil 2.
- Al-Šābūniyy, Muḥammad °Ali. 1413H/1993M. *Al-Mawārīth Fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Damshiq: Dār al-Qalam.
- Al-Sarkhasiyy, Muḥammad ibn Aḥmad. 1414H/1993M. *Al-Mabsūṭ*. Beirut: Dār al-Ma°rifāt. jil 29.
- Sa°diyy Abu Jayb. 1408H/ 1988M. *Al-Qamūs al-Fiqhiyy Lughatan wa Iṣṭilāhan*. Damshiq: Dār al-Fikr.
- Al-Šāwiyy, Aḥmad ibn Muḥammad. t.th. *Bulghat al-Salik li Aqrab al-Masalik*. t.tp: Dar al-Ma°ārif. jil 4.
- Shalabiyy, Muḥammad Muṣṭafa. 1978. *Aḥkām al-mawārīth bayn al-fiqh wa al-qānūn*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-°Arabiyyah.

- Al-Shaykh Muhammad al-Shammā^c. 1416H/1995M. *Al-Mufīd Min al-Abhāth Fī Ahkām al-Zawāj Wa al-Ṭalāq Wa al-Mīrāth*. Damshiq: Dār al-Qalam.
- Al-^cUthaymīn, Muḥammad ibn Ṣāliḥ. 1428H. *Al-Sharḥ al-Mumtī^c ala Zād al-Mustaḡni^c*. t. tp: Dār Ibn al-Jawziyy. jil 11.
- Wazārat al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah. 1412H/1992M. *Al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Ṭabā‘ah dhāt al-Salāsīl. jil 3.
- Yāsīn Ahmad Ibrāhīm Darādīkah. 1407H/1986M. *Al-Mīrāth Fī al-Shar‘ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Mu’assasat al-Risālah.
- Zakariyyā ibn Ghulām Qādir al-Bākistāniyy. 1421H/2000M. *Mā Ṣaḥḥa Min Āthār al-Ṣaḥābah*. Beirut: Dār Ibn Ḥazam. jil 3.
- Al-Zuḥayliyy, Wahbah. 1409H/ 1989M. *Al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu*. Damshiq: Dār al-Fikr, cet 3, jil 8.



SENARAI INDEKS

al-akdariyyah
al-Akh al-Mash'ūm
al-Akh al-Mubārak
al-°Amiriyyah
al-°ashariyyah
al-°awl
al-Bakhīlah
al-daffānah
al-Dawudiyyah
al-Dināriyyah
al-dināriyyah al-ṣughrā
al-Dināriyyah al-Kubrā
al-Gharībatān
al-Gharīmatān
al-Gharqā
al-Gharrā'
al-gharrāwān
al-Hadmā
al-ḥajariyyah
al-ḥamziyyah
al-ḥimariyyah
al-Imtihān
al-°Ishrīniyyah
al-kharqā'
al-Mafqūd
al-mālikiyyah
al-ma'mūniyyah
al-marwāniyyah
al-minbariyyah
al-mu°āddah
al-mubāhalah
al-muḥaddithūn
al-muḥālafah
al-mukhtaṣarah
al-munāqaṣah
al-munāsakhah
al-musabba°ah
al-musaddasah

al-musharrakah
al-nāqidah
al-nisfiyyatān
al-Qarīb al-Mash'ūm
al-Qarīb al-Mubāarak
al-radd
al-rikābiyyah
al-Shākiyyah
al-Shurayhiyyah
al-ta'āruḍ
al-Thalāthīniyyah
al-Tis'īniyyah
al-ʿumariyyah
al-ʿUmariyyatān
al-ʿUthmāniyyah
al-yamiyyah
al-yatīmatān
al-zaydiyyāt al-arbaʿ
ʿaqd al-muwālāt
ʿAqrab taḥt Ṭūbah
aṣḥāb al-furūd
ʿaṣabah
ʿaṣabah bi al-ghayr
ʿaṣabah bi al-naḥs
ʿaṣabah maʿa al-ghayr
dhawī al-arḥām
ijmāʿ al-ṣaḥābah
istiḥsān
khafiyy al-dalālah
khuntha
khuntha ghayr mushkil
khuntha mushkil
liʿān
maṣlahah mursalah
mukhammasah al-Shaʿbiyy
murabbaʿah Ibn Masʿūd
musaddasah al-Ṣiddīq
muthallathah ʿUthmān
shibh al-mālikiyyah
umm al-arāmil
umm al-banāt

umm al-farāj
umm al-furūkh



GLOSARI



Istilah	Penerangan
<i>al-akdariyyah</i>	Kes faraid yang melibatkan seorang perempuan yang mati dan meninggalkan waris iaitu suami, ibu, datuk dan saudara perempuan seibu sebapa atau saudara perempuan sebapa.
<i>al-^oashariyyah</i>	Kes faraid yang melibatkan si mati meninggalkan datuk, saudara perempuan seibu sebapa dan saudara lelaki sebapa. Kes ini sebahagian masalah pusaka yang dikenali dengan <i>al-mu^oāddah</i> atau <i>al-zaydiyyāt al-arba^o</i> .
<i>al-^oawl</i>	Kaedah faraid yang menunjukkan penambahan saham-saham waris daripada jumlah asal masalah dan berlakunya kekurangan pembahagian habuan sebenar mereka.
<i>al-^oishrīniyyah</i>	Kes faraid yang melibatkan si mati meninggalkan waris iaitu datuk, saudara perempuan seibu sebapa dan dua orang saudara perempuan sebapa. Kes ini sebahagian masalah pusaka yang dikenali dengan <i>al-mu^oāddah</i> atau <i>al-zaydiyyāt al-arba^o</i> .
<i>al-^oumariyyatān</i>	Gelaran bagi kes faraid yang melibatkan si mati meninggal dunia dan meninggalkan penerima pusaka yang terdiri daripada ibu, bapa dan salah seorang daripada suami atau isteri.
<i>al-^oUthmāniyyah</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-kharqā'</i>
<i>al-dināriyyah/ al-dināriyyah al-ṣuḡhrā</i>	Kes faraid melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu dua orang nenek, tiga orang isteri, empat orang saudara perempuan seibu dan lapan orang saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa.

<i>al-dīnāriyyah al-kubra</i>	Kes faraid melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu isteri, ibu, dua orang anak perempuan, dua belas saudara seibu sebapa dan seorang saudara perempuan seibu sebapa.
<i>al-gharrawān</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-ʿumariyyatān</i>
<i>al-gharībatān</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-ʿumariyyatān</i>
<i>al-gharīmatān</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-ʿumariyyatān</i>
<i>al-ḥajariyyah</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-musharrakah</i>
<i>al-ḥajb</i>	Kaedah faraid yang merujuk kepada situasi waris yang terdinding atau terhalang daripada mendapat pusaka sama ada dinafikan terus daripada kadar yang sepatutnya atau berlaku pengurangan ke atas bahagian mereka.
<i>al-ḥamziyyah</i>	Kes faraid melibatkan si mati dan meninggalkan waris iaitu datuk, tiga orang nenek yang sama kedudukannya (ibu kepada ibu kepada ibu, ibu kepada ibu kepada bapa dan ibu kepada bapa kepada bapa) dan tiga saudara perempuan dari setiap kategori (seibu sebapa, sebapa dan seibu).
<i>al-ḥimariyyah</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-musharrakah</i>
<i>al-kharqāʾ</i>	Kes faraid melibatkan seorang perempuan mati dan meninggalkan waris iaitu datuk, ibu dan saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa.
<i>al-maʾmūniyyah</i>	Kes faraid melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu bapa, ibu dan dua orang anak perempuan. Kemudian salah seorang anak perempuan meninggal dunia dan meninggalkan waris-waris yang lain.
<i>al-mafqūd</i>	Seseorang yang hilang tanpa diketahui khabar beritanya.
<i>al-mālikiyyah</i>	Kes faraid melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, datuk, saudara-saudara seibu dan seorang saudara lelaki sebapa.

<i>al-marwāniyyah</i>	Kes faraid melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami dan enam orang saudara perempuan daripada semua pangkat (2 orang seibu sebapa, 2 orang sebapa dan 2 orang seibu).
<i>al-minbariyyah</i>	Kes faraid melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu isteri, dua orang anak perempuan, ibu dan bapa.
<i>al-mubāhalah</i>	Kes faraid melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu dan seorang saudara perempuan seibu sebapa.
<i>al-mu'āddah</i>	Kes faraid yang berkait rapat dengan masalah persaingan antara bahagian pusaka datuk dan saudara seibu sebapa dan sebapa sama ada lelaki atau perempuan.
<i>al-mukhtaṣarah</i>	Kes faraid yang melibatkan seorang perempuan meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu datuk, ibu, saudara perempuan seibu sebapa, saudara lelaki dan saudara perempuan sebapa. Kes ini sebahagian masalah pusaka yang dikenali dengan <i>al-mu'āddah</i> atau <i>al-zaydiyyāt al-arba'</i> .
<i>al-musaddasah</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-kharqā'</i> .
<i>al-musharrakah</i>	Kes faraid yang melibatkan si mati seorang perempuan dan meninggalkan suami, ibu, dua orang atau lebih saudara-saudara seibu sama ada lelaki atau perempuan dan saudara-saudara (lelaki dan perempuan) seibu bapa.
<i>al-mushtarakah</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-musharrakah</i> .
<i>al-radd</i>	Kaedah faraid yang menunjukkan pengurangan pada asal masalah dan penambahan pada kadar-kadar saham yang telah ditentukan.
<i>al-taṣhīḥ</i>	Kaedah faraid yang merujuk kepada penyalarsan pecahan supaya nilai sebenar saham menyamai bilangan waris-waris si mati.

<i>al-tis^ʿinniyyah</i>	Kes faraid yang melibatkan seorang lelaki meninggalkan waris iaitu ibu, datuk, seorang saudara perempuan seibu sebapa, dua orang saudara lelaki sebapa dan seorang saudara perempuan sebapa. Kes ini sebahagian masalah pusaka yang dikenali dengan <i>al-mu^ʿāddah</i> atau <i>al-zaydiyyāt al-arba^ʿ</i> .
<i>al-yammiyyah</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-musharrakah</i> .
<i>al-yatīmatān</i>	Kes ini melibatkan dua keadaan; pertama: si mati yang meninggalkan waris iaitu suami dan seorang saudara perempuan seibu sebapa, kedua: si mati meninggalkan suami dan seorang saudara perempuan sebapa.
<i>al-zaydiyyāt al-arba^ʿ</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-mu^ʿāddah</i> .
<i>aṣḥāb al-furūd</i>	Waris-waris yang telah ditentukan bahagian mereka melalui nas atau ijmak dalam menerima harta pusaka.
<i>ʿaṣabah</i>	Waris-waris yang menerima keseluruhan pusaka sekiranya bersendirian iaitu apabila ketiadaan <i>aṣḥāb al-furūd</i> atau mereka yang menerima baki pusaka sekiranya berlebihan selepas diagihkan kepada <i>aṣḥāb al-furūd</i> yang sepatutnya.
<i>ʿaṣabah bi al-ghayr</i>	Waris perempuan yang mempunyai bahagian yang ditetapkan (<i>farḍu</i>) ketika bersama dengan waris lelaki yang setaraf dengannya. Pengagihan bagi waris <i>ʿaṣabah bi al-ghayr</i> adalah mengikut nisbah bahagian lelaki menyamai dua bahagian perempuan.

<i>‘aṣabah bi al-naḥs</i>	Waris lelaki yang hubungannya dengan si mati tidak diselangi dengan waris perempuan. Golongan ini akan mendapat keseluruhan harta pusaka jika mereka sahaja yang disenarai dalam penerima pusaka. Tetapi, jika terdapat dalam senarai penerima pusaka waris-waris dari kategori <i>aṣḥāb al-furūd</i> , maka mereka akan mendapat bahagiannya selepas diberikan kepada <i>aṣḥāb al-furūd</i> . Walau bagaimanapun, sekiranya kesemua harta telah diagihkan kepada <i>aṣḥāb al-furūd</i> , maka tiada bahagian yang layak untuk diterima.
<i>‘aṣabah ma‘a al-ghayr</i>	Waris perempuan yang menjadi <i>‘aṣabah</i> dengan kewujudan penerima waris perempuan yang lain. Mereka yang termasuk dalam kategori ini ialah saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa ketika bersamanya seorang atau lebih anak perempuan atau anak perempuan kepada anak lelaki. Golongan ini akan mendapat harta pusaka setelah harta tersebut dibahagikan kepada <i>aṣḥāb al-furūd</i> . Jika kesemua harta telah habis diagihkan, mereka tidak memperolehi apa-apa bahagian daripadanya. Manakala anak perempuan atau anak perempuan kepada anak lelaki tetap kekal mendapat bahagian yang telah ditetapkan.
<i>dhawī al-arḥām</i>	Keluarga si mati yang tidak ditentukan hak pewarisan harta pusaka dalam al-Quran, sunnah atau ijmak dan tidak digolongkan sebagai waris <i>aṣḥāb al-furūd</i> atau <i>‘aṣabah</i> .
<i>farḍu</i>	Bahagian yang ditetapkan.
<i>mukhammasah al-Sha‘biyy</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-kharqā’</i> .
<i>murabba‘ah Ibn Mas‘ūd</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-kharqā’</i> .
<i>musaddasah al-Ṣiddīq</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-kharqā’</i> .
<i>muthallathah ‘Uthmān</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-kharqā’</i> .

<i>shibh al-mālikiyyah</i>	Kes faraid yang melibatkan si mati meninggalkan waris iaitu suami, ibu, datuk, saudara-saudara seibu dan seorang saudara seibu sebapa.
<i>umm al-arāmil</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-dināriyyah/ al-dināriyyah al-ṣughrā</i>
<i>umm al-banāt</i>	Kes faraid yang melibatkan seorang lelaki yang meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu tiga orang isteri, empat orang saudara seibu dan lapan orang saudara seibu sebapa atau sebapa.
<i>umm al-farūj</i>	Gelaran lain bagi kes <i>al-dināriyyah/ al-dināriyyah al-ṣughrā</i>
<i>umm al-furūkh</i>	Kes faraid yang melibatkan si mati meninggalkan waris iaitu suami, ibu, dua orang saudara perempuan seibu dan dua orang saudara perempuan seibu sebapa.

KES-KES

FARAID

KHAS

HURAIAN DAN PENYELESAIAN

Sepanjang sejarah awal perundangan Islam, terdapat pelbagai kes faraid yang terkenal dengan nama atau gelaran yang tersendiri. Realitinya, kepelbagaian kes dalam faraid menunjukkan kepentingan pemahaman nas dan *masalahah* situasi semasa dalam proses berjihad. Hal ini kerana, hampir sebahagian hukum faraid dijelaskan melalui nas primer iaitu

al-Qur'an dan sunnah terutama menerusi ayat-ayat pusaka (*āyāt al-mawāriṭh*). Buku ini bertujuan mengumpulkan setiap kes faraid khas yang pernah diselesaikan dalam sejarah awal perundangan Islam. Fokus huraian dan penyelesaian setiap kes faraid khas adalah dokumentasi dalam bentuk direktori istilah yang mengikut susunan abjad rumi. Setiap kes-kes faraid khas yang direkodkan akan disertakan dengan penjelasan situasi kes, penyelesaian dan jadualnya. Dengan penulisan ini, adalah diharapkan dapat memudahkan capaian dan pencarian kepada penyelesaian kes-kes faraid khas secara khusus dan memahami ilmu faraid secara amnya.

Profil Penulis

Zahari Mahad Musa

[B.Syariah [Fiqh wa Usul] (Al al-Bayt, Jordan), Sarjana Pengajian Islam [Syariah] (Universiti Kebangsaan Malaysia)], berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

Jasni Sulong

[Sarjana Muda Syariah, Sarjana Syariah dan Doktor Falsafah Syariah (Universiti Malaya)], berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Penerbit  USIM

ISBN 978-967



9 789670

<http://penerbit.usim.edu.my>